

Newspaper	Berita Harian
Date	3 October 2015

# Perdana Menteri tiba di Itali untuk lawatan tiga hari BH-3/10/2015

**Zaharah  
Othman**

✦ Milan



Perdana Menteri tiba bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor di Lapangan Terbang Linate kira-kira tujuh kilometer dari bandar raya Milan pada jam 8.30 pagi waktu tempatan selepas menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat.

Turut mengiringi Perdana Menteri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed serta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

Ketibaan mereka disambut Du-  
ta Malaysia ke Itali, Datuk Abdul Samad Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Zulkifli Mahmud.

Lawatan itu juga sebagai memenuhi jemputan rasmi Perdana Menteri Itali, Matteo Renzi untuk menghadiri Ekspo Milan 2015 iaitu ekspo terbesar dunia yang diadakan setiap lima tahun secara giliran.

Malaysia antara 147 negara menyertai ekspo yang berlangsung selama enam bulan itu bermula 1 Mei lalu hingga 30 Oktober ini.

**Resepsi Hari Malaysia**  
Pada sebelah pagi hari ini, Perdana Menteri dijangka menghadiri resepsi Hari Malaysia di ekspo berkenaan selain melawat pavilion Itali, Kazakhstan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) di lokasi sama sebelum melancarkan Festival Makanan Malaysia di Pavilion Malaysia pada sebelah malam.

Dalam lawatan itu juga, Perdana Menteri dijangka memberi ucapan pada persidangan meja bulat pengusaha industri utama Itali.



**Najib dan Rosmah** tiba di hotel penginapan di Milan, semalam.

[FOTO TWITTER NAJIBRAZAK]

Rosmah pula dijadual melancarkan pertunjukan 18 pereka fesyen Malaysia pada ekspo itu, yang diharap menjadi platform untuk menentengahkan hasil rekaan pe-

reka fesyen tempatan di bandar raya berkenaan yang terkenal sebagai kota fesyen.

Sementara itu, Abdul Samad ketika ditemui berkata, hubu-

ngan dua hala antara Kuala Lumpur dan Rome akan meningkat menjadi lebih dinamik dan aktif dengan lawatan yang dilakukan Perdana Menteri.